3. You must comply with all requirements of the rental organization under the hiring agreement and the Insurer of the rental vehicle as well as the laws, rules and regulations of the country.
4. The rental vehicle must be rented and driven by you or any of your family members named as the Insured under the Certificate of Insurance who shall include legally married spouse and children and must hold legally valid licence(s) to drive the rental vehicle provided always that you and any of your family members is not disqualified by any order from a Court of Law or is not prohibited by reasons of any law, enactment, rule or regulation from renting and driving at all material time.

Exclusions applicable to Section 18

1. Loss or damage arising from operation of the rental vehicle in violation of the terms of the rental agreement or loss or damage which occurs beyond the limits of any public roads or in the violation of laws, rules and regulations of the country.
2. Loss or damage arising from wear and tear, gradual deterioration, damage from insects or vermin, inherent vice, latent defect or damage.

SECTION 19 – LOSS OF DEPOSIT OR FULL PAYMENT DUE TO ABSCONDMENT OR INSOLVENCY OF TRAVEL AGENT

| | <u>VIP</u> | <u>Classic</u> |
|---------------------|----------------|----------------|
| Each Insured Person | Up to RM5,000 | Nil |
| Maximum Per Family | Up to RM15,000 | Nil |

In the event that before or on the departure date of your booked trip, the travel agency from where you purchased your air tickets or tour packages has absconded or declared insolvent, We will reimburse you up to RM5,000 each Insured Person with maximum limit of RM15,000 per family for loss of irrecoverable deposits or full payments paid in advance for air tickets or tour packages.

Exclusions applicable to Section 19

We will not pay for claims arising directly or indirectly from, in respect of, or due to:

1. If this insurance is not purchased on the date of full payment of your trip.
2. Air tickets or tour packages purchased from travel agencies which are not registered or licensed by the relevant authorities as required by Malaysian regulations.
3. Abscondment or insolvency of any travel agency, tour organizer or other parties other than the duly licensed and registered travel agency from which you purchased your air ticket or tour package.

GENERAL EXCLUSIONS (applicable to all Sections)

We will not pay for claims:

1. Caused or resulting:
 - (a) from any pre-existing conditions.

- (b) by suicide or attempted suicide, intentional self-injury, wilful exposure to danger (other than in an attempt to save human life), or the committing of any criminal acts.
 - (c) by the effect or influence of alcohol or drugs, unless the drug is taken in accordance with an authorised medical prescription.
 - (d) directly or indirectly by Human Immunodeficiency Virus (HIV) and/or any HIV related illness including Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) and/or any mutant derivatives or variations however caused.
 - (e) from pregnancy including childbirth, caesarean operation, abortion, miscarriage and all related complications except miscarriage due to bodily injury as a direct result of an accident.
 - (f) your travelling on, or against medical advice, or where the trip is made solely for the purpose of obtaining treatment.
 - (g) mental and nervous disorders, including insanity.
2. Directly or indirectly occasioned by, happening through, or in consequence of:
 - (a) engaging in sports or games in a professional capacity or where you would or could earn income or remuneration from engaging in such sports or games.
 - (b) accidents whilst engaged in racing, motor rallies and competitions, mountaineering (reasonably requiring the use of ropes and guides), rock climbing, and hiking/trekking in remote areas unless with licensed guides, pot-holing, and any activity involving you being airborne (whether suspended or not) not limiting to parachuting, hand gliding, bungee jumping, sky diving, high diving.
 3. Arising from:
 - (a) Air travel other than as a fare paying passenger on a regular scheduled airline or licensed chartered aircraft.
 - (b) any illegal activities, loss resulting directly or indirectly from action taken by Government Authorities including confiscation, seizure, destruction and restriction.
 - (c) loss of or damage to hired or leased equipment; testing of any kind of conveyance.
 - (d) employment on merchant vessels; naval, military or airforce service or operations, regular or temporary, military or police duties; overseas secondment as part of your occupation; manual work in connection with any trade, employment or profession.
 - (e) offshore activities like non recreation diving, oil-rigging, mining, aerial photography or handling of explosives.
 - (f) survey of offshore installations or facilities under construction including survey from aerial conveyance.
 - (g) war, invasion, act of foreign enemy hostilities (whether war is declared or not), civil war, rebellion, revolution, insurrection, military or usurped power or confiscation or nationalisation or requisition or destruction of or damage to property under the order of any government or public or local authority or following the warning of any intended strike, riot or civil commotion through or by general mass media.
 - (h) ionising radiations, or contamination by radioactivity from any irradiated nuclear fuel, or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel.
 - (i) radioactive toxic explosive, or other hazardous properties of any explosive nuclear assembly, or of its nuclear component.
 - (j) consequential loss or damage of any kind.
 - (k) your direct participation in terrorist acts.

GENERAL CONDITIONS (applicable to all sections)

You must comply with the following conditions to have the full protection of your Policy. Our liability shall be conditional on your observance of the terms of this Policy.

1. Interpretation

This Policy and Certificate of Insurance shall be read together and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Policy or Certificate of Insurance shall bear such meaning wherever it may appear

2. Observance

Our liability shall be conditional on your observance of the Terms of this Policy.

3. Reasonable Care

You shall act in a prudent manner and exercise reasonable care for the safety and supervision of your property as if uninsured and to prevent loss, damage, accident, injury or illness.

4. Mis-Representation

This policy shall be voidable in the event of misrepresentation, misdescription or non-disclosure or concealment of any circumstances by you material to or in connection with your health, and in particular;

- (a) whether you are suffering from a disease, illness, disability or handicap; or
- (b) whether you are aware of circumstances suggesting that you may be suffering from a disease, illness, disability or handicap.

5. Fraud

If you, or anyone acting for you, make a claim under the policy knowing the claim to be false or fraudulently inflated, we will not pay the claim and all cover under the Policy will be forfeited.

6. Payment of Premiums

Coverage and claims are valid only subject to the successful collection of premium by us and your compliance of the terms and conditions contained herein. We reserve the right to refuse any coverage and/or reject any claims resulting from non-payment of premium.

7. Premium Refund

No refund is allowed once the Certificate of Insurance is issued.

8. Payment of Benefits

All benefits payable under this Policy shall be paid to you, and, in the event of your death, to your beneficiary if stated, otherwise to your estate. Such payment shall be a full and final discharge to us. Benefits payable under this Policy are in Ringgit Malaysia.

9. Claims

If any injury, accident, loss or damage happens you must:

- (a) advise AXA Affin General Insurance Bhd in writing as soon as possible but in any event not later than 45 days after the expiry of this insurance or upon return to Malaysia, whichever is earlier.
- (b) send to us immediately any writ, summons, letters or other documents
- (c) at your expense, or at the expense of any person representing you, provide us with certificates, information and other documents (including where necessary translation) as we may reasonably require.

You must not:

- (a) admit or deny any claim made by someone else against you or make any agreement with him or her.

We shall be entitled to:

- (a) request an examination by a medical referee appointed by us for a non-fatal injury.
- (b) the right to negotiate, settle or defend any such claim in your name and on your behalf.
- (c) use any legal right of recovery you have.
- (d) request an autopsy and/or post-mortem examination in the event of death.
- (e) at our option, choose to make payment, reinstate or repair the lost or damaged property.

Our liability is limited solely to the payment of the benefits you are entitled to under this policy. No liability is assumed by us, for the availability, quality or results of any medical treatment or other service, or your failure to obtain any treatment or service covered by the terms of this policy.

Claims document(s) required

| Section(s) | Type of Claim | Action / Document(s) / Required |
|--------------------------------------|--|---|
| | All claims | Duly completed and signed Claim Form. Original Certificate of Insurance. Airlines Ticket. |
| Plus the following where applicable: | | |
| 1 | Personal Accident | Medical report from the attending doctor abroad. Death Certificate. Post Mortem Report. Police Report. |
| 2 & 3 | Medical Expenses & Emergency Medical Evacuation & Repatriation | Medical report from the attending doctor abroad. Original medical invoices and receipts for all amounts claimed (itemised). Original receipts for additional expenses claimed for cost of burial or cremation or transporting of mortal remains. Original receipts for additional expenses claimed for additional travel and accommodation. |

| Section(s) | Type of Claim | Action / Document(s) / Required |
|------------|---------------------------------------|--|
| 4 | Hospital Allowance | A letter confirming the date of admittance and the date of discharge from the hospital. |
| 5 | Baggage & Personal Effects | Original receipts for all items claimed. If not available, provide description of items and the date, place and price of purchase. Police report detailing the circumstances and list of items stolen. If in the custody of 3rd party i.e. carrier, transporter, hotel etc., obtain written report from them on the incident and write official complaint holding them responsible for the loss. |
| 6 | Personal Money & Documents | Police report detailing the circumstances list of items stolen. Original receipts for additional costs incurred in replacing lost travel documents. |
| 7 | Baggage Delay | Delayed Baggage report from the carrier Delay concerned confirming the duration of delay and reasons thereof. Original receipts, details and description of all essential items purchased. |
| 8 | Personal Liability | DO NOT ADMIT LIABILITY Forward any correspondence from 3rd party unanswered to the Loss Adjuster immediately. |
| 9 | Travel Delay | A written confirmation from the carrier concerned confirming the duration of delay. |
| 10 | Loss of Deposit or Cancellation Cover | Medical report, Death Certificate etc as the case may be. Original receipts for payment of the tour. Tour operator's booking and cancellation invoices. |
| 11 | Curtailement | As Section 10 above. A written confirmation from the attending doctor abroad that it is necessary to return home. If due to hijacking or natural disaster, written confirmation from tour operator concerned confirming the incident. Boarding pass to confirm the actual date of arrival back to Malaysia. |
| 12 | Overbooked Flight | A written confirmation from the carrier concerned confirming the overbooked flight details and when the next alternative transportation is available. |
| 13 | Flight Misconnection | A written confirmation from the carrier concerned confirming flight misconnection details and when the next alternative transportation is available. |
| 14 | Hijacking | A written confirmation from the carrier concerned confirming the incident and duration. |
| 15 | Home Care Benefit | Police report. Original receipts for all items claimed. If not available, provide description of items and the date, place and price of purchase. |
| 16 | Missed Departure | Original receipts for expenses claimed for additional accommodation and travel expenses. A written confirmation from the public transport services concerned confirming the mechanical breakdown. |
| 17 | Rerouting of Flight | A written confirmation from the carrier concerned confirming the number of hours delayed in arriving at your destination and the reason for such delay. |

| Section(s) | Type of Claim | Action / Document(s) / Required |
|------------|--|---|
| 18 | Rental Car Excess Cover | Original car rental agreement. Written advice from rental agency holding the Insured liable for the loss of or damage to rental vehicle. Original invoice and receipt from the rental agency for car rental. Copies of each driver's driving license at the time of accident. Copy of overseas motor insurance policy if available. Copy of police report. Original receipt of the excess paid. |
| 19 | Loss of Deposit or Full Payment Due to Abscondment or Insolvency of Travel Agent | Original receipt for payment for the tour and travel insurance. Booking invoice together with the booking terms and conditions, and trip itinerary. Police report detailing the alleged abscondment or insolvency of the Travel Agent. Written confirmation from Jabatan Insolvensi Malaysia on the insolvent status of the Travel Agent. |

10. Other Insurances

If at the time of any loss, damage or liability arising under the policy there is any other insurance covering the same loss, damage or liability, we will pay only our rateable proportion.

11. Arbitration

If we admit liability for a claim but there is a dispute as to the amount to be paid, the dispute will be referred to an arbitrator. The arbitrator will be appointed jointly by you and us in accordance with the law at the time. You may not take legal action against us over the dispute before the arbitrator has reached a decision.

12. Interest

No amount payable under this Policy shall carry interest.



SmartTraveller

(No. Polisi Induk: STS/01001017/63/07)
Perlindungan Polisi merupakan sebahagian daripada Sijil Insurans

NOTIS PENTING

Salam mesra daripada Polisi SmartTraveller anda. Sila semak Polisi anda dengan teliti bersama dengan Sijil Insurans yang terkandung bagi memastikan anda memahami terma-terma dan syarat-syarat dan perlindungan telah diberikan mengikut keperluan anda. Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan selepas meneliti kandungan dokumen ini, sila hubungi penasihat insurans anda atau AXA Affin General Insurance Berhad. Sekiranya terdapat sebarang perubahan yang memberi kesan atas perlindungan yang diberikan, sila hubungi kami secepat mungkin atau anda mungkin tidak akan menerima manfaat-manfaat dari polisi.

Anda dinasihatkan supaya menyimpannya di tempat yang selamat.

Sekiranya, atas sebab-sebab tertentu, anda tidak berpuas hati dengan khidmat yang diberikan, anda boleh:-

1. Sebagai langkah pertama, sila tulis kepada Pusat Khidmat Pelanggan kami di alamat yang terkini. Atau, anda boleh menghantar e-mel ke: customer.service@axa.com.my
2. Sekiranya anda tidak berpuashati dengan penyelesaian yang diberi, anda boleh:
 - (a) Merujuk perkara mengenai tuntutan kepada:
Financial Mediation Bureau - Level 25, Dataran Kewangan Darul Takaful, No 4 Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel: (603) 2272 2811 Faks: (603) 2274 5752
 - (b) Merujuk perkara am kepada:
Customers Service Bureau, Insurance Regulations Department 11th Floor Block A Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.
Tel: (603) 2698 8044 Faks: (603) 2694 5986

AXA Affin General Insurance Berhad bersetuju menginsuranskan Pihak Diinsuranskan terhadap kerugian yang dilindungi di bawah Polisi ini tertakluk kepada pengecualian, had-had, peruntukan, terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam ini.

KAWASAN PERJALANAN

1. **Kawasan 1:** Singapura, Brunei, Thailand, Indonesia, Filipina, Myanmar, Nepal, Cambodia, Laos, China, India, Jepun, Korea, Pakistan, Sri Lanka, Taiwan, Vietnam, Hong Kong, Macau dan di dalam Malaysia. Untuk perjalanan di dalam Malaysia (selain dari Semenanjung Malaysia ke Malaysia Timur (Sabah/Sarawak) atau sebaliknya) perlindungan di bawah polisi ini terhad kepada Seksyen 1, Seksyen 2a dan Seksyen 2f.
2. **Kawasan 2:** Seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat/Kanada
3. **Kawasan 3:** Seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat/Kanada

OPERASI INSURANS

Di bawah Seksyen 10 – Kehilangan Deposit atau Pembatalan, insurans berkuatkuasa sebaik sahaja Sijil Insurans dikeluarkan dan akan tamat sebaik sahaja anda memulakan perjalanan yang telah dirancang dari Malaysia. Untuk seksyen-seksyen yang lain, insurans bermula sebaik sahaja anda meninggalkan tempat kediaman atau perniagaan di Malaysia (yang mana terkemudian) untuk perjalanan yang telah dirancang sehingga kepulangan anda ke tempat kediaman atau perniagaan di Malaysia (yang mana terdahulu). Perjalanan yang telah dirancang hendaklah termasuk kepulangan ke Malaysia dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Sijil Insurans.

LANJUTAN PERLINDUNGAN AUTOMATIK

Sekiranya anda merupakan pemegang tiket sistem pengangkutan awam berjadual dan berlaku kelewatan yang di luar kawalan anda disebabkan:

- a) penyakit anda yang serius atau kecederaan tubuh yang tidak disengajakan, atau
- b) kelewatan yang tidak dapat dielakkan berlaku pada sistem pengangkutan awam berjadual di mana anda telah menaikinya.

Akibatnya perjalanan balik tidak dapat dibuat dalam Tempoh Insurans seperti dinyatakan dalam Sijil Insurans, Tempoh Insurans akan dilanjutkan secara automatik sehingga 30 hari tanpa premium tambahan bagi tempoh tambahan tersebut. Ini bagi membolehkan anda menamatkan perjalanan dengan syarat kejadian tersebut dibenarkan di bawah Insurans ini dan anda hendaklah mempunyai rekod untuk membuktikan sebab-sebab berlakunya kelewatan.

DEFINISI AM

Bagi tujuan insurans ini, definisi di bawah akan membawa makna yang dinyatakan:

1. **"Kami/Penanggu Insurans"** bermaksud AXA Affin General Insurance Berhad
2. **"Anda/Pihak Diinsuranskan"** bermaksud orang-orang yang diinsuranskan yang di bawah umur 70 tahun yang dinyatakan dalam Sijil Insurans.
3. **"Anak"** bermaksud anak yang di bawah tanggungan penuh anda yang di bawah umur 18 tahun atau sehingga 23 tahun yang belajar sepenuh masa di dalam institusi pengajian tinggi yang diiktirafkan.

Jika terdapat perbezaan di antara Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, maka versi Bahasa Inggeris adalah dianggap muktamad.

4. **"Keluarga"** bermaksud anda, suami/isteri sah dan anak-anak anda yang belum bekerja dan masih bujang di bawah umur 18 tahun atau sehingga 23 tahun yang masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktirafkan yang diinsuranskan di dalam Sijil yang sama.
5. **"Perjalanan"** bermaksud perjalanan yang bermula tidak melebihi 24 jam dari masa perlepasan yang ditempah dari tempat kediaman atau perniagaan di Malaysia (yang mana terkemudian) untuk perjalanan terus ke tempat perlepasan di Malaysia untuk perjalanan yang telah dirangkaikan dan akan tamat di atas sebab-sebab dibawah yang mana berlaku terdahulu:
 - a) tarikh luput Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Polisi
 - b) kepulangan anda ke tempat kediaman atau perniagaan (mana yang terdahulu) di Malaysia, atau
 - c) 24 jam selepas ketibaan di Malaysia

Bagi perjalanan sehala, perlindungan tamat selepas 72 jam dari masa ketibaan yang dijadualkan di destinasi terakhir luar negara. Sebarang persinggahan untuk perjalanan sehala tidak harus melebihi satu bulan.

Tempoh bagi setiap perjalanan di bawah "Satu Perjalanan" tidak harus melebihi 190 hari berturut-turut dari tarikh perjalanan bermula.

6. **"Kemalangan"** bermaksud kejadian ganas luaran & jelas kelihatan secara langsung dan bebas daripada sebab-sebab lain yang mengakibatkan kecederaan tubuh.
7. **"Kecederaan"** bermaksud kecederaan tubuh yang dialami oleh anda dan adalah diakibatkan oleh kemalangan secara langsung (tidak termasuk penyakit atau masalah kesihatan)
8. **"Penyakit"** bermaksud keadaan fizikal yang ditandakan dengan penyimpangan patologikal daripada keadaan kesihatan normal semasa anda di luar negara dalam tempoh polisi ini dan terkecuali dari apa-apa keadaan pra-wujud yang anda telah menerima rawatan perubatan, diagnosa, rundingan atau prekripsi ubat.
9. **"Keadaan pra-wujud"** bermaksud keadaan di mana anda telah menerima rawatan perubatan, diagnosa, rundingan atau prekripsi ubat dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh efektif polisi ini atau keadaan yang mana nasihat perubatan atau rawatan telah diberi oleh pengamal perubatan berdaftar dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh efektif polisi ini.
10. **"Pengamal Perubatan"** bermaksud pengamal perubatan (selain dari Pihak Diinsuranskan atau ahli keluarga Pihak Diinsuranskan) yang berkelulusan ijazah perubatan dan berlesen dan berdaftar untuk mengamalkan bidang perubatan barat dan memberi khidmat rawatan berasaskan pelesenan di kawasan berkenaan dan bidang latihannya.
11. **"Kecederaan Serius" atau "Penyakit Serius"** apabila merujuk kepada anda bermakna anda memerlukan rawatan dari pengamal perubatan di dalam hospital dan disahkan yang anda tidak sihat untuk mengembara atau meneruskan rancangan perjalanan. Apabila merujuk kepada ahli-ahli keluarga terdekat anda, ia bermakna kecederaan atau penyakit yang disahkan boleh membawa maut oleh pengamal perubatan dan yang mengakibatkan rancangan perjalanan dibatalkan dan ditamatkan.

SEKSYEN 1 – KEMALANGAN DIRI

Manfaat-mafaat berikut akan dibayar jika kematian atau hilang upaya diakibatkan kemalangan berlaku dalam Tempoh Insurans:

| | VIP | Classic |
|--|-----------|-----------|
| 1. Kematian akibat kemalangan | | |
| - Orang Dewasa | RM200,000 | RM100,000 |
| - Kanak-kanak | RM 25,000 | RM 10,000 |
| 2. Kehilangan satu atau lebih anggota atau kehilangan penglihatan satu atau kedua-dua mata | RM200,000 | RM100,000 |
| 3. Hilang Upaya Menyeluruh Kekal | RM200,000 | RM100,000 |
| 4. Maksima bagi Setiap Keluarga | RM450,000 | RM220,000 |

Peruntukan

1. Tiada manfaat akan dibayar:
 - a) Bagi manfaat (1) atau (2) melainkan jika kematian atau kehilangan berkenaan berlaku dalam tempoh 12 bulan dari
 - b) Bagi manfaat (3) kecuali terdapatnya bukti bahawa hilang upaya berterusan untuk 12 bulan dari tarikh kecederaan dan dalam semua kebarangkalian akan berterusan sepanjang hayat.
2. Jumlah maksima bagi semua manfaat yang dibayar bagi satu atau lebih kecederaan Pihak Diinsuranskan dalam Tempoh Insurans tidak akan melebihi RM200,000 di bawah pelan VIP atau RM100,000 di bawah pelan Classic.

Definisi

- a) **"Hilang Upaya Kekal"** bermaksud hilang upaya kekal dan menyeluruh yang berterusan selama 12 bulan kalendar dari tarikh kemalangan, yang menyebabkan anda tidak boleh menjalankan perniagaan atau pekerjaan (semua jenis) dan tiada harapan untuk pulih.
- b) **"Kehilangan penglihatan"** bermaksud kehilangan penglihatan keseluruhan dan tidak akan pulih.
- c) **"Kehilangan anggota"** bermaksud pemisahan fizikal tangan atau kaki dari atau atas bahagian pergelangan tangan atau kaki atau buku lali.

SEKSYEN 2 – PERUBATAN DAN PERBELANJAAN LAIN

| | VIP | Classic |
|----------------------------|-----------------------|----------------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | Sehingga RM300,000 | Sehingga RM50,000 |
| Maksima Setiap Keluarga | RM900,000 | RM150,000 |

Kami akan membayar balik perbelanjaan yang diperlukan untuk perubatan akibat kecederaan tubuh atau penyakit dalam Tempoh Insurans.

- a) Perbelanjaan Perubatan, Hospital dan Rawatan Perjalanan Antarabangsa (termasuk Semenanjung Malaysia ke Malaysia Timur (Sabah/Sarawak) atau sebaliknya) - Perbelanjaan Perubatan, hospital dan rawatan (termasuk rawatan kecemasan pergigian tetapi tidak termasuk penggantian gigi palsu) yang diperlukan di luar Malaysia atau bagi penduduk Semenanjung Malaysia yang dikenakan di Malaysia Timur (Sabah/Sarawak) atau sebaliknya, dimana tuntutan akan dibuat untuk kecederaan tubuh akibat kemalangan atau penyakit Pihak Diinsuranskan dalam tempoh insurans.

Perjalanan Domestik (selain dari Semenanjung Malaysia ke Malaysia Timur (Sabah/Sarawak) atau sebaliknya) - Perbelanjaan Perubatan, hospital dan rawatan (termasuk rawatan kecemasan pergigian tetapi tidak termasuk penggantian gigi palsu) yang diperlukan semasa perjalanan kerana kecederaan tubuh akibat kemalangan yang dialami oleh Pihak Diinsuranskan dalam tempoh insurans.

Sekiranya dimasukkan ke dalam hospital di luar negara akibat kecederaan tubuh yang tidak disengajakan, Kami akan membayar pihak hospital dahulu untuk semua perbelanjaan perubatan yang berkaitan dengan kemalangan tersebut.

Walaupun demikian, Kami berhak untuk membuat tuntutan ke atas Pihak Diinsuranskan dan/atau waris, sebarang amaun yang tidak dilindungi di bawah Seksyen 2a.

b) Penyelenggaraan Jenazah

Caj yang munasabah bagi pengkebumian atau pembakaran mayat jika berlakunya kematian ke atas Pihak Diinsuranskan termasuk perbelanjaan munasabah untuk menghantar mayat atau abu mayat ke Malaysia tertakluk kepada RM5,000 bagi setiap Pihak Diinsuranskan dan had maksima sebanyak RM15,000 bagi setiap Keluarga.

c) Manfaat Penjagaan Simpati (kerana Pihak Diinsuranskan dimasukkan ke dalam hospital)

Tambahan perbelanjaan penginapan dan perjalanan bagi saudara-mara atau rakan yang diperlukan untuk menemani Pihak Diinsuranskan di atas nasihat doktor tertakluk kepada RM5,000 bagi setiap Pihak Diinsuranskan dan had maksima sebanyak RM15,000 bagi setiap Keluarga.

d) Manfaat Penjagaan Simpati (kerana kematian Pihak Diinsuranskan)

Sekiranya kematian Pihak Diinsuranskan disebabkan oleh kecederaan atau penyakit yang berlaku semasa dalam perjalanan dan tiada ahli keluarga yang dewasa bersama Pihak Diinsuranskan, kami akan membayar sehingga had RM5,000 kepada Pihak Diinsuranskan dengan maksima had RM15,000 bagi setiap keluarga untuk perbelanjaan pengangkutan dan hotel yang diperlukan oleh saudara atau kawan yang membantu urusan pengebumian dan pembakaran mayat di tempat berlakunya kematian.

Pihak Diinsuranskan hanya layak membuat tuntutan di bawah "Manfaat Penjagaan Simpati (kerana Pihak Diinsuranskan dimasukkan ke dalam hospital)" atau "Manfaat Penjagaan Simpati (kerana kematian Pihak Diinsuranskan)" dan bukan kedua-duanya sekali.

e) Manfaat Penjagaan Kanak-kanak

Tambahan perbelanjaan penginapan & perjalanan bagi seorang saudara atau rakan yang diperlukan untuk menjaga anak-anak semasa Pihak Diinsuranskan dimasukkan ke hospital tertakluk kepada had RM500 setiap hari sehingga had maksima RM5,000 bagi setiap Pihak Diinsuranskan dengan had maksima RM15,000 bagi setiap Keluarga termasuk kos penerbangan pergi balik kelas ekonomi untuk ahli keluarga yang terdekat, yang perlu menjaga dan/atau menemani anak-anak berumur 12 tahun ke bawah pulang ke Malaysia, akibat tiada jagaan kerana Pihak Diinsuranskan dimasukkan ke dalam hospital.

f) Rawatan Lanjutan

Perjalanan Antarabangsa (termasuk Semenanjung Malaysia ke Malaysia Timur (Sabah/Sarawak) atau sebaliknya) - Perbelanjaan perubatan lanjutan, hospital dan rawatan yang diperlukan (termasuk perbelanjaan untuk ambulans persendirian atau yuran penjagaan jururawat profesional) oleh Pihak Diinsuranskan di Malaysia (atau yang berlaku pada residen Semenanjung Malaysia di Malaysia Timur atau sebaliknya) dalam tiga (3) bulan selepas rawatan atau pulang dari luar negara, yang mana terdahulu, dimana perbelanjaan berlaku akibat kemalangan atau penyakit semasa di luar negara dalam Tempoh Insurans sehingga RM30,000 maksima bagi setiap Pihak Diinsuranskan dengan had maksima RM90,000 bagi setiap Keluarga.

Apabila Pihak Diinsuranskan tidak menerima rawatan pertama di luar negara bagi kecederaan tubuh yang dialami semasa bercuti, pembayaran balik adalah terhad kepada rawatan pesakit luar sehingga RM500 bagi setiap Pihak Diinsuranskan dengan had maksima RM1,500 bagi setiap keluarga dalam masa 24 jam selepas waktu ketibaan di Malaysia.

Perjalanan Domestik (selain dari Semenanjung Malaysia ke Malaysia Timur (Sabah/Sarawak) atau sebaliknya) - Perbelanjaan perubatan lanjutan, hospital dan rawatan yang diperlukan (termasuk perbelanjaan untuk ambulans persendirian atau yuran penjagaan jururawat profesional) oleh Pihak Diinsuranskan dalam masa tiga (3) bulan selepas rawatan atau pulang bercuti, dimana perbelanjaan berlaku akibat kemalangan semasa perjalanan dalam tempoh insurans sehingga RM30,000 maksima bagi setiap Pihak Diinsuranskan dengan had maksima RM90,000 bagi setiap keluarga.

SEKSYEN 3 - PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN DAN PENGHANTARAN BALIK

a) Pemindahan Perubatan Kecemasan sehingga amaun yang tidak terhad

Kami akan membayar perbelanjaan perubatan yang munasabah bagi pemindahan kecemasan dan kemudahan perubatan kepada Pihak Diinsuranskan yang berkeadaan tenat ke hospital yang paling dekat di mana kemudahan dan penjagaan tersedia ada. Bagi keadaan kecemasan berkenaan, Talian Perkhidmatan Kecemasan 24 jam mestilah dihubungi serta-merta untuk meluluskan semua pemindahan perubatan kecemasan. Bagi kawasan yang jauh dan primitif di mana Talian Perkhidmatan Kecemasan tidak dapat dihubungi terlebih dahulu, Pemindahan Perubatan Kecemasan hendaklah dilaporkan secepat mungkin.

Kami berhak menentukan tempat pemindahan untuk Pihak Diinsuranskan.

Kami hanya akan membayar perbelanjaan pemindahan yang munasabah untuk salah seorang yang menemani Pihak Diinsuranskan/pesakit dalam Pemindahan Perubatan Kecemasan mengikut keputusan Perkhidmatan Kecemasan ataupun kami.

b) Penghantaran Balik Kecemasan sehingga amaun yang tidak terhad

Sekiranya Pihak Diinsuranskan dimasukkan ke dalam hospital di luar negara dan adalah perlu dari segi perubatan supaya Pihak Diinsuranskan dihantar pulang ke Malaysia untuk rawatan lanjutan, kami akan membayar kos penghantaran balik yang munasabah termasuk kos pengangkutan bagi seorang pembantu perubatan untuk menemani Pihak Diinsuranskan. Sekiranya berlaku penghantaran balik kecemasan, Perkhidmatan Kecemasan 24 jam perlu dihubungi secepat mungkin untuk meluluskan semua penghantaran balik perubatan kecemasan.

Kami berhak untuk membuat keputusan sama ada penghantaran balik kecemasan diperlukan atau tidak.

Pengecualian bagi Seksyen 2 dan 3

1. Rawatan atau bantuan yang diterima dalam Malaysia (kecuali diberikan dalam Seksyen 2a dan 2f).
2. Pembedahan atau rawatan perubatan atau pergigian yang boleh ditangguhkan sehingga anda pulang ke Malaysia mengikut pendapat pengamal perubatan yang berdaftar yang merawat anda (kecuali dibenarkan dalam Seksyen 2a).
3. Perbelanjaan tambahan bagi penginapan bilik perseorangan atau persendirian di hospital, klinik atau rumah penjagaan jururawat kecuali ditentukan perlu oleh pengamal perubatan berdaftar yang merawat Pihak Diinsuranskan.

SEKSYEN 4 – ELAUN HOSPITAL

| | VIP | Classic |
|----------------------------|---|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | RM350 setiap hari sehingga had maksima RM10,500 | Tiada |
| Maksima setiap Keluarga | RM31,500 | Tiada |

Jika anda dimasukkan ke hospital (bagi pembedahan) di luar negara sebagai pesakit dalaman diatas nasihat pengamal perubatan akibat kecederaan atau penyakit yang dialami semasa perjalanan, kami akan membayar anda manfaat untuk setiap hari penuh anda merupakan pesakit dalaman tertakluk kepada had maksima di atas, dengan syarat tuntutan akan dibayar dibawah Seksyen 2a.

SEKSYEN 5– BAGASI DAN BARANG KEPUNYAAN PERIBADI

| | VIP | Classic |
|----------------------------|-------------------|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | Sehingga RM5,000 | Tiada |
| Maksima setiap Keluarga | Sehingga RM15,000 | Tiada |

Kami akan membayar balik kerugian akibat kehilangan atau kerosakan pada bagasi yang diambil atau dibeli semasa dalam perjalanan anda (termasuk pakaian dan barang kepunyaan peribadi yang dipakai, beg dan perkakas yang berkaitan) yang dimiliki oleh anda dan yang berlaku semasa Tempoh Insurans.

Jika anda membuat pembelian untuk menggantikan barang hilang yang sama bandingannya, kami akan membayar perbelanjaan gantian dengan syarat bahawa barang hilang berkenaan hendaklah tidak melebihi 2 tahun pada tarikh kehilangan. Jika anda tidak dapat membuktikan umur barang yang hilang atau jika barang berkenaan melebihi 2 tahun atau jika barang berkenaan tidak digantikan, kami akan mengendalikannya berdasarkan nilai beli asal ditolak susut nilai atau perbelanjaan pembaikan, yang mana lebih kurang.

Jika sebarang barang berkenaan tidak boleh diperbaiki, tuntutan akan diuruskan sepertimana barang tersebut telah hilang.

Dalam kejadian di mana kehilangan atau kerosakan berlaku ke atas harta Pihak Diinsuranskan, yang merupakan sebahagian daripada pasangan atau set tersebut, liabiliti yang ditanggung tidak boleh melebihi nilai perkadaran setimpal mana-mana bahagian pasangan atau set tersebut. Kami tidak menanggung liabiliti melebihi RM500 bagi mana-mana satu barangan atau pasangan atau set barangan tersebut. Barang-barang kemas hendaklah dipakai atau disimpan dalam bagasi jagaan peribadi setiap masa kecuali dalam peti besi hotel.

Pengecualian bagi Seksyen 5

Kami tidak akan membayar tuntutan bagi:

1. Kehilangan atau kerosakan kepada setem, dokumen atau kanta lensa/gigi palsu atau kerosakan kepada benda-benda yang mudah rapuh seperti kamera, telefon bimbit, PDA, cermin mata dan perkara yang seumpamanya (selain dari komputer riba), retakan, calaran atau kepecahan gelas, porcelin, batu marmar, tembikar atau kulit kura-kura atau pemecahan mentol atau tiub kaca kecuali disebabkan oleh kebakaran, kecurian, rompakan atau kemalangan kenderaan.
2. Barang-barang perniagaan, sampel dan bahan makanan
3. Kehilangan atau kerosakan akibat haus atau lusuh, gegat, kutu, serangga, keburukan sedia ada, kerosakan mekanikal atau elektronik atau akibat proses pembersihan, memperbaiki dan perubahan kepada mana-mana harta
4. Perbelanjaan untuk menyalin semula data sama ada dalam bentuk pita, kad atau disket atau yang berkaitan
5. Kehilangan atau kerosakan kepada harta yang sepatutnya dibayar balik oleh pihak hotel atau pihak pengangkutan umum
6. Kehilangan/ atau kerosakan berlaku di Malaysia kecuali oleh syarikat penerbangan
7. RM50 pertama bagi setiap satu tuntutan Pihak Diinsuranskan.

SEKSYEN 6 – WANG PERIBADI DAN DOKUMEN

| | VIP | Classic |
|----------------------------|-------------------|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | Sehingga RM5,000 | Tiada |
| Maksimum setiap Keluarga | Sehingga RM15,000 | Tiada |

Kami akan membayar balik:

- (i) kehilangan
 - (a) dokumen perjalanan dan
 - (b) wang (wang tunai, cek perjalanan atau nota bank) yang dimiliki tertakluk kepada had RM800. Wang hendaklah disimpan oleh Pihak Diinsuranskan setiap masa kecuali dalam peti besi hotel disebabkan oleh kecurian atau rompakan ketika di luar negara dalam Tempoh Insurans. Kehilangan berkenaan hendaklah dilaporkan kepada pihak polis di tempat kejadian kehilangan dalam tempoh 24 jam selepas berlakunya kejadian dan hendaklah mendapatkan pernyataan bertulis dari pihak polis bagi menyokong tuntutan tersebut.
- (ii) tambahan perbelanjaan perjalanan dan penginapan bagi tujuan menggantikan pasport, tiket perjalanan dan lain-lain dokumen perjalanan yang berkaitan

Pengecualian kepada Seksyen 5 dan/atau 6

Kami tidak membayar tuntutan bagi:

1. Kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh penangguhan, rampasan atau penahanan oleh polis kastam atau mana-mana pihak berkuasa tempatan.
2. Kehilangan atau kerosakan ketika dalam jagaan perkhidmatan penerbangan atau pengangkutan lain, kecuali jika dilaporkan serta-merta kehilangan tersebut. Bagi kehilangan di atas penerbangan kapal terbang, Laporan Harta Janggal perlu diperolehi dan tuntutan hendaklah dibuat terhadap pihak pengangkutan dan pihak-pihak berkuasa.
3. Kehilangan yang tidak dilaporkan kepada polis dalam 24 jam dan laporan tidak diperolehi di tempat kejadian kehilangan.

4. Kehilangan atau kecurian akibat harta terbiar di sesuatu tempat awam atau disebabkan oleh kecuaiannya anda menjaga harta berkenaan.
5. Kehilangan atau kerosakan terhadap harta benda melainkan pembayaran balik oleh pengangkutan umum atau hotel.

SEKSYEN 7 – KELEWATAN BAGASI

| | VIP | Classic |
|----------------------------|------------------|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | Sehingga RM700 | Tiada |
| Maksima setiap Keluarga | Sehingga RM2,100 | Tiada |

Kami akan membayar balik tertakluk kepada had RM700 bagi pembelian kecemasan untuk barang keperluan seperti pakaian atau keperluan lain disebabkan oleh kelewatan bagasi untuk sekurang-kurangnya 8 jam dari masa ketibaan di destinasi luar negara akibat arahan penghantaran yang salah oleh syarikat penerbangan atau perkapalan

Pihak Diinsuranskan tidak boleh membuat tuntutan di bawah kedua-dua Seksyen 5 dan 7 bagi kejadian yang sama.

Pengecualian Seksyen 7

1. Kelewatan bagasi tidak dilaporkan dengan segera kepada syarikat penerbangan
2. Kelewatan bagasi dimana anda telah menerima pampasan daripada syarikat penerbangan
3. Kelewatan bagasi apabila anda kembali ke Malaysia.
4. Sebarang pembelian dibuat selepas anda menerima bagasi anda.

SEKSYEN 8 – LIABILITI DIRI

| | VIP | Classic |
|----------------------------|----------------------|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | Sehingga RM1,000,000 | Tiada |
| Maksima setiap Keluarga | Sehingga RM3,000,000 | Tiada |

Kami akan menanggung liabiliti terhadap tuntutan pihak ketiga dalam Tempoh Insurans yang diakibatkan oleh:

- (a) Kecederaan tubuh akibat kemalangan (termasuk kematian) pihak ketiga
- (b) Kehilangan atau kerosakan tidak sengajakan kepada harta benda pihak ketiga

Kami juga memberi indemniti terhadap:

- (1) Kos dan perbelanjaan pihak ketiga yang boleh dituntut dari anda
- (2) Kos dan perbelanjaan anda yang dibenarkan secara bertulis

Kecuali dengan kebenaran bertulis daripada pihak penginsurans, tiada sesiapa berhak mengaku liabiliti bagi pihak mereka atau memberikan kenyataan atau persetujuan. Pihak Penginsurans berhak mengendalikan semua urusan yang timbul atau berkaitan dengan tuntutan atas nama Pihak Diinsuranskan dan memberi arahan untuk peguam pilihan mereka untuk mengendalikan perkara berkenaan.

Pengecualian bagi Seksyen 8

Kami tidak membayar tuntutan yang timbul atau akibat daripada:

1. Liabiliti majikan, liabiliti perjanjian atau liabiliti ke atas ahli keluarga.
2. Harta benda kepunyaan anda atau atas jagaan atau kawalan anda.
3. Sebarang tindakan yang disengajakan, berniat jahat atau menyalahi undang-undang.
4. Penglibatan dalam perdagangan, perniagaan atau pekerjaan.
5. Pemilikan atau sebagai penghuni tanah atau bangunan (selain daripada tempat kediaman sementara).
6. Pemilikan atau penggunaan kenderaan, kapal udara atau kapal air atau kenderaan pengangkutan lain.
7. Kos undang-undang yang timbul daripada apa-apa prosiding jenayah.
8. Pengaruh alkohol, pendakian gunung, perlumbaan meluncur, terjun luncur, hoki ais, memandu atau menunggang dalam perlumbaan atau penggunaan senjata api.
9. Pengadilan yang bukan pertama kali diberikan oleh atau diterima dari Mahkamah Perundangan di Malaysia.

SEKSYEN 9 – KELEWATAN PERJALANAN

1. Jika kenderaan awam yang dijadualkan bagi perjalanan anda telah lewat sekurang-kurangnya lapan (8) jam dari masa yang ditentukan dalam jadual, kami akan membayar

| | <u>VIP</u> | <u>Classic</u> |
|----------------------------|--|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | RM200 bagi kelewatan 8 jam penuh yang pertama dan RM300 bagi setiap 8 jam yang selanjutnya, sehingga had maksima RM3,200 | Tiada |
| Maksima setiap Keluarga | Sehingga RM9,600 | |

2. Jika mana-mana bahagian rancangan perjalanan dibatalkan oleh sebab kelewatan tersebut, tetapi anda masih meneruskan perjalanan, kami akan membayar balik deposit yang tidak dapat dipulangkan atau pembayaran terlebih untuk bahagian-bahagian berkenaan tertakluk kepada had-had yang dinyatakan dibawah:

| | <u>VIP</u> | <u>Classic</u> |
|----------------------------|------------------|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | Sehingga RM500 | Tiada |
| Maksima setiap Keluarga | Sehingga RM1,000 | Tiada |

Kelewatan dalam bilangan jam dan sebab-sebab kelewatan hendaklah disemak secara bertulis oleh pengendali kenderaan atau agen.

Jika anda berhak menerima pengembalian semua atau sebahagian daripada perbelanjaan berkenaan dari sumber lain, kami hanya akan menanggung jumlah yang selebihnya dari jumlah yang akan dibayar balik oleh sumber lain.

Pengecualian bagi Seksyen 9

Kami tidak membayar tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:

1. Kegagalan Pihak Diinsuranskan untuk daftar masuk berdasarkan jadual yang diberikan kepadanya atau kegagalan mendapatkan pengesahan dari syarikat pengangkutan atau agen tentang kelewatan dalam bilangan jam dan sebab-sebab bagi kelewatan berkenaan..
2. Mogok atau tindakan perindustrian yang wujud pada tarikh anda membeli insurans ini
3. Anda terlewat tiba ke lapangan terbang atau pelabuhan selepas daftar masuk atau masa masuk yang telah ditetapkan (kecuali kelewatan disebabkan oleh mogok atau tindakan perindustrian)

SEKSYEN 10 – KEHILANGAN DEPOSIT ATAU PEMBATALAN

| | <u>VIP</u> | <u>Classic</u> |
|----------------------------|-------------------|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | Sehingga RM20,000 | Tiada |
| Maksima setiap keluarga | Sehingga RM60,000 | Tiada |

1. Pembatalan
Kami akan membayar balik kehilangan deposit yang tidak dipulangkan atau pembayaran terlebih dahulu atau bayaran yang perlu dibayar oleh Pihak Diinsuranskan jika terjadinya pembatalan yang tidak dapat dielakkan atau dianggap perlu oleh Pihak Diinsuranskan akibat dari sebab-sebab yang di luar kawalan Pihak Diinsuranskan setelah insurans ini berkuatkuasa.

Jika pembatalan disebabkan oleh kematian, kecederaan atau penyakit, ia hendaklah berlaku ke atas Pihak Diinsuranskan atau suami/isteri, ibubapa, ibubapa mertua, datuk/nenek, anak-anak dan adik beradik.

2. Penangguhan atau Tertunda
Sekiranya perjalanan anda tertangguh atau tertunda disebabkan oleh keadaan yang berlaku diluar kawalan anda selepas insurans berkuatkuasa, kami akan membayar sebarang caj tambahan yang berkaitan dengan sebarang kos pra-bayar akibat pertukaran pada tarikh perjalanan.

Jika tertangguh atau tertunda disebabkan oleh kematian, kecederaan atau penyakit, ia hendaklah berlaku ke atas Pihak Diinsuranskan atau suami/isteri, ibubapa, ibubapa mertua, datuk/nenek, anak-anak dan adik beradik. Pihak Diinsuranskan tidak boleh membuat tuntutan dibawah 1 dan 2 bagi kejadian yang sama.

Pengecualian bagi Seksyen 10

Kami tidak membayar tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung, berkenaan, atau akibat sebarang kerugian jika insurans tidak dibeli pada tarikh pembayaran penuh perjalanan anda.

SEKSYEN 11 – PEMENDEKAN PERJALANAN

| | <u>VIP</u> | <u>Classic</u> |
|----------------------------|-------------------|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | Sehingga RM20,000 | Tiada |
| Maksima setiap Keluarga | Sehingga RM60,000 | Tiada |

Kami akan membayar balik mengikut perkadaran yang setimpal dengan perbelanjaan yang berbayar terdahulu untuk perjalanan yang dirancang yang tidak boleh dipulangkan seperti yang dinyatakan dalam bil tempahan, berdasarkan pengiraan pro rata bagi pemendekan perjalanan secara harian penuh termasuk perbelanjaan penginapan di hotel dan penghantaran balik ke Malaysia, yang perlu dan tidak dapat dielakkan atas sebab pemendekan perjalanan yang timbul daripada:

- (a) kecederaan serius atau penyakit anda dan mengikut nasihat perubatan
- (b) Kematian yang tidak dijangka, kecederaan serius atau penyakit yang berlaku ke atas suami/isteri, ibubapa, ibubapa mertua, datuk/nenek, anak-anak dan adik beradik yang mengembara bersama
- (c) Rampasan kapal terbang yang mana anda menaiki sebagai penumpang
- (d) Bencana alam yang menghindarkan anda dari meneruskan perjalanan yang telah dirancang

Jika kos pra-bayar terhad kepada tiket kapal terbang sahaja, pembayaran balik pada sektor tiket perjalanan yang belum digunakan.

Sijil perubatan hendaklah diperolehi dari pengamal perubatan yang merawat anda bagi mengesahkan keupayaan anda ke Malaysia atas sebab kecederaan atau penyakit.

Bagi rampasan atau kematian Pihak Diinsuranskan, perkadaran yang setimpal dengan kos berbayar terdahulu yang tidak boleh dipulangkan hendaklah dikira bermula dari tarikh kejadian sehingga tarikh luput perlindungan.

Perlindungan hanya berkuatkuasa jika polisi ini dibeli sebelum anda mengetahui keadaan yang akan menyebabkan rancangan perjalanan tergendala.

"Pemendekan" bermaksud menghentikan perjalanan dan pulang ke tempat kediaman di Malaysia bagi perjalanan yang telah dirancang setelah tiba di destinasi seperti yang dinyatakan dalam bil tempahan.

Pengecualian bagi Seksyen 10 dan 11

Kami tidak membayar tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:

1. Peraturan atau Akta Kerajaan, kelewatan atau pemindaan perjalanan yang ditempah (termasuk kesilapan, pengabaian atau kemungkaran) oleh mana-mana pihak yang memberi khidmat untuk perjalanan yang ditempah dan juga agen atau agen pelancongan di mana perjalanan ini ditempah.
2. Perniagaan anda, kewangan atau obligasi kontrak atau teman perjalanan anda.
3. Keberatan untuk mengembara atau keadaan kewangan.
4. Atas sebab anda atau teman perjalanan anda melanggar undang-undang atau didakwa melainkan anda atau teman perjalanan anda adalah di sapena sebagai saksi di Mahkamah.
5. Kegagalan anda memberitahu agensi perjalanan atau agen pelancongan atau pihak yang memberi perkhidmatan pengangkutan atau penginapan dengan serta merta tentang pembatalan perjalanan.

SEKSYEN 12 – PENERBANGAN TERLEBIH TEMPAHAN

| | <u>VIP</u> | <u>Classic</u> |
|----------------------------|------------|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | RM200 | Tiada |
| Maksima setiap Keluarga | RM600 | Tiada |

Kami akan membayar RM200, jika anda tidak dibenarkan menaiki pesawat komersial berjadual akibat terlebih tempahan dan tiada pengangkutan gantian yang diberi kepada anda dalam jangkamasa 4 jam daripada waktu pelepasan pesawat tersebut

Butiran bertulis mengenai penerbangan mestilah diperolehi daripada syarikat perkhidmatan penerbangan atau agen mereka.

SEKSYEN 13 – KEGAGALAN MENYAMBUNG PENERBANGAN

| | <u>VIP</u> | <u>Classic</u> |
|----------------------------|------------|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | RM200 | Tiada |
| Maksima setiap Keluarga | RM600 | Tiada |

Kami akan membayar RM200, jika anda gagal menaiki penerbangan sambungan yang mana pengesahan telah dibuat akibat kelewatan penerbangan berjadual anda dan tiada pengangkutan gantian diberikan dalam jangkamasa 4 jam daripada masa sebenar ketibaan penerbangan.

Butiran bertulis mengenai kegagalan penyambungan penerbangan mestilah diperolehi daripada syarikat perkhidmatan penerbangan atau agen mereka.

SEKSYEN 14 – RAMPASAN PESAWAT/KENDERAAN

| | <u>VIP</u> | <u>Classic</u> |
|----------------------------|---|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | Sehingga RM300 untuk setiap 24 jam sehingga had maksima RM900 | Tiada |
| Maksima setiap Keluarga | RM2,700 | Tiada |

Kami akan membayar anda pampasan tunai harian untuk setiap 24 jam jika pengangkutan awam yang anda naiki dirampas semasa anda dalam perjalanan ke luar negara. "Rampasan" bermakna rampasan yang salah di sisi undangundang pengangkutan awam di mana keganasan digunakan.

SEKSYEN 15 – MANFAAT PENJAGAAN RUMAH

| | <u>VIP</u> | <u>Classic</u> |
|----------------------------|------------------|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | Sehingga RM1,000 | Tiada |
| Maksima setiap Keluarga | Sehingga RM3,000 | Tiada |

Kami akan membayar atau mengembalikan kepada keadaan asal atau membaiki kandungan, barang-barang berharga dan/atau stem, syiling, kutipan pingat, lukisan yang di dalam rumah anda di Malaysia yang ditinggalkan tanpa berpenghuni sewaktu tempoh perjalanan anda dimana kerosakan fizikal disebabkan oleh kebakaran di dalam jangkamasa insurans ini setelah anda memulakan perjalanan anda.

Definisi

- (a) **"Kandungan"** bermaksud perabot-perabot rumah, pakaian dan barang-barang peribadi anda atau ahli-ahli keluarga anda atau pembantu-pembantu rumah anda yang tinggal secara tetap dengan anda dan kelengkapan kepunyaan anda (yang anda dipertanggungjawabkan) tetapi bukan kelengkapan tuan rumah anda dan melainka juga: Surat Perjanjian, Bonbon, Bil Pertukaran, Nota Janji Hutang, Cek, Sekuriti Untuk Wang, Dokumendokumen, Tunai, Mata Wang.
- (b) **"Barang-barang Berharga"** bermaksud barang emas, perak atau barang kemas yang dibuat dari lain-lain logam yang berharga, pakaian yang diperbuat dari bulu binatang, jam tangan dan batu permata berharga.

Jika barang yang hilang atau rosak merupakan sebahagian daripada pasangan atau set, maka kami hanya membayar untuk bahagian yang hilang atau rosak and bukan untuk keseluruhannya. Liability maksima kami adalah terhad kepada RM500 untuk setiap satu, pasangan atau set.

Pengecualian bagi Seksyen 15

Kami tidak membayar tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:

1. Kehilangan atau kerosakan yang disengajakan atau dibiarkan oleh Pihak Diinsuranskan.
2. Kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kerja-kerja dihentikan, dirampas, ditahan, dirosakan, dimusnahkan oleh perintah Kerajaan de jure atau de facto atau kerajaan tempatan atau pihak berkuasa di negara atau kawasan di mana harta berada atau disebabkan oleh kebakaran sendiri barang tersebut atau barang tersebut melalui sebarang proses haba atau pengeringan.

SEKSYEN 16 – KEGAGALAN UNTUK BERLEPAS

| | <u>VIP</u> | <u>Classic</u> |
|----------------------------|------------------|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | Sehingga RM1,000 | Tiada |
| Maksima setiap Keluarga | Sehingga RM3,000 | Tiada |

Kami akan membayar anda sehingga RM1,000 bagi perbelanjaan tambahan bagi penginapan dan pengangkutan yang munasabah untuk anda sampai ke destinasi luar negara atau pulang ke Malaysia, akibat perkhidmatan pengangkutan awam tergendala (sebarang bus atau teksi atau perkhidmatan berjadual di mana orang awam boleh menaiki di perhentian sebagai penumpang berbayar) untuk anda sampai ke pelabuhan berlepas. lapangan terbang atau stesen keretapi seperti yang tertera pada tiket anda.

Pengecualian bagi Seksyen 16

Kami tidak akan membayar bagi kejadian yang diakibatkan oleh:

1. Kegagalan anda selain kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam untuk daftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan berdasarkan senarai perjalanan anda.
2. Lambat tiba di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan selepas daftar masuk atau membuat tempahan (kecuali lambat tiba akibat kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam).

SEKSYEN 17 – LALUAN PENERBANGAN DIUBAH

| | <u>VIP</u> | <u>Classic</u> |
|----------------------------|------------|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | RM200 | Tiada |
| Maksima setiap Keluarga | RM600 | Tiada |

Kami akan membayar RM200 bagi setiap Pihak Diinsuranskan sekiranya pengangkutan awam yang telah diatur lewat tiba selama 8 jam daripada masa yang dinyatakan dalam jadual, akibat laluan penerbangan diubah kerana mogok, tindakan industri, keadaan cuaca yang buruk atau kerosakan mekanikal.

Pengecualian bagi Seksyen 17

Kami tidak membayar tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:

1. Lambat tiba ke destinasi akibat kelewatan pengangkutan awam untuk berlepas.
2. Kegagalan Pihak Diinsuranskan untuk daftar masuk mengikut jadual yang diberikan atau kegagalan untuk mendapatkan pengesahan bertulis daripada Syarikat Pengangkutan atau ejen mereka mengenai jumlah masa dan alasan bagi kelewatan tersebut.
3. Mogok atau tindakan industri berlaku pada tarikh anda membeli insurans.

SEKSYEN 18 – PERLINDUNGAN EKSES BAGI KERETA SEWA

| | <u>VIP</u> | <u>Classic</u> |
|----------------------------|------------------|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | Sehingga RM1,000 | Tiada |
| Maksima setiap Keluarga | Sehingga RM1,000 | Tiada |

Kami akan membayar pampasan untuk sebarang eksek atau pemotongan di mana anda dipertanggungjawabkan di bawah kontrak sewaan kereta untuk sebarang kemalangan yang timbul daripada penyewaan kenderaan tersebut.

Peruntukan

1. Menyewa kenderaan dari agensi sewaan yang berlesen
2. Sebagai sebahagian daripada perjanjian langganan, anda mestilah mengambil insurans motor komprehensif terhadap kerugian atau kerosakan ke atas kenderaan sewa ketika dalam tempoh penyewaan.
3. Anda perlu memenuhi semua kehendak syarikat sewaan di bawah perjanjian langganan dan Penginsurans kenderaan tersebut serta undangundang, peraturan-peraturan negara.
4. Kenderaan sewa hendaklah disewa dan dipandu oleh anda atau manamana ahli keluarga anda yang dinamakan sebagai Pihak Diinsuranskan di bawah Sijil Insurans termasuk suami/isteri yang sah dan anak-anak dan hendaklah memegang lesen yang sah untuk memandu kenderaan sewa dengan syarat anda dan mana-mana ahli keluarga anda tidak dilarang oleh sebarang perintah Mahkamah atau tidak dibenarkan oleh sebarang undang-undang, enakmen, peraturan daripada menyewa atau memandu sepanjang masa.

Pengecualian bagi Seksyen 18

1. Kerugian atau kerosakan akibat pengendalian kenderaan sewa melanggar terma-terma perjanjian sewaan atau kerugian atau kerosakan yang berlaku lebih daripada had sebarang jalan raya awam atau melanggar undang-undang dan peraturan negara.
2. Kerugian atau kerosakan akibat haus dan lusuh, pereputan, kerosakan dari serangga, vermin, keburukan sedia ada, kecacatan pendam atau kerosakan.

SEKSYEN 19 – KEHILANGAN DEPOSIT ATAU BAYARAN PENUH DISEBABKAN EJEN PELANCONGAN MELARIKAN DIRI ATAU INSOLVEN

| | VIP | Classic |
|----------------------------|-------------------|----------------|
| Setiap Pihak Diinsuranskan | Sehingga RM5,000 | Tiada |
| Maksima setiap Keluarga | Sehingga RM15,000 | Tiada |

Sekiranya sebelum atau pada tarikh berlepas perjalanan yang ditempah anda, agensi pelancongan dari mana anda membeli tiket penerbangan atau pakej pelancongan anda telah melarikan diri atau diisytihar insolven, Kami akan membayar gantirugi kepada anda sehingga RM5,000 setiap Pihak Diinsuranskan dengan had maksima RM15,000 setiap keluarga bagi kehilangan deposit yang tidak dapat ditebus atau bayaran penuh yang dibayar terlebih dahulu bagi tiket penerbangan atau pakej pelancongan.

Pengecualian bagi Seksyen 19

Kami tidak akan bayar bagi tuntutan yang timbul secara langsung atau secara tidak langsung, dari segi, atau disebabkan:

1. Jika insurans ini tidak dibeli pada tarikh bayaran penuh perjalanan anda.
2. Tiket penerbangan atau pakej pelancongan dibeli dari agensi pelancongan yang tidak didaftar atau dlesen oleh pihak berkuasa yang berkaitan sebagaimana dikehendaki oleh peraturan Malaysia.
3. Melarikan diri atau insolvensi mana-mana agensi pelancongan, penganjur pelancongan atau pihak lain selain daripada agensi pelancongan yang berlesen dan berdaftar sewajarnya dari yang mana anda membeli tiket penerbangan atau pakej pelancongan anda.

PENGECUALIAN AM (digunakan untuk semua seksyen)

Kami tidak akan membayar tuntutan terhadap:

1. Yang disebabkan oleh:
 - (a) keadaan sedia wujud
 - (b) Membunuh diri atau percubaan untuk membunuh diri, kecederaan yang disengajakan, sengaja mendedahkan diri kepada keadaan bahaya (melainkan untuk menyelamatkan nyawa) atau melakukan jenayah.
 - (c) Kesan alkohol atau ubat, selain daripada ubat yang diambil mengikut preskripsi perubatan yang dibenarkan
 - (d) Secara langsung atau tidak langsung oleh virus Imunokurangan Manusia (HIV) dan/atau sebarang penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS dan/atau sebarang derivatif mutasi ('mutant derivatives').
 - (e) Kehamilan termasuk kelahiran anak, pembedahan Caesarean, pengguguran anak, keguguran dan lain-lain kesulitan yang berkaitan melainkan keguguran yang disebabkan oleh kecederaan yang dinyatakan di Seksyen 2 – Perubatan dan Lain-lain Perbelanjaan.
 - (f) Perjalanan anda adalah bertentangan dengan nasihat pengamal perubatan atau perjalanan anda adalah untuk mendapatkan rawatan semata-mata.
 - (g) Gangguan atau Kegelisahan mental termasuk ketidaksiuman.
2. Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:
 - (a) mengambil bahagian secara profesional dalam sukan atau permainan atau dimana anda mendapat pendapatan atau pengajian.
 - (b) kemalangan apabila mengambil bahagian lumba lari, perlumbaan kenderaan, mendaki gunung (yang memerlukan tali atau penunjuk arah), mendaki batu dan mengembara di kawasan terpencil melainkan ditemani penunjuk arah berlesen, mengembara gua, dan aktiviti yang melibatkan anda berada di udara (samada tergantung atau tidak) tidak terhad kepada mengambil bahagian dalam payung terjun, peluncuran gantung, lompatan bungee, sukan terjun udara, terjun tinggi.
3. Diakibatkan oleh:
 - (a) Penerbangan selain daripada sebagai penumpang berbayar dengan penerbangan biasa berjadual atau pesawat berlesen yang disewa.

- (b) Aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang, kerugian yang secara langsung atau tidak langsung diakibatkan oleh tindakan Pihak Kerajaan termasuk rampasan, pemusnahan dan pembatasan.
- (c) Kehilangan atau kerosakan kepada peralatan yang disewa atau pajak; ujian ke atas kenderaan.
- (d) Bekerja di atas kapal dagangan, tentera laut, askar atau tentera udara, bertugas sebagai tentera atau polis secara tetap atau sementara, bertugas di luar negara sebagai sebahagian daripada pekerjaan, pekerjaan manual yang berkaitan dengan sebarang perdagangan, penggajian and pekerjaan.
- (e) Aktiviti lepas pantai seperti menyelam (bukan secara rekreasi), pekerjaan di pelantar minyak, melombong, fotografi udara atau mengendalikan letupan.
- (f) Membuat tinjauan pemasangan pelantar minyak atau kemudahan yang sedang dibina termasuk peninjauan dari udara.
- (g) Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, pemusuhan (samada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, rampasan kuasa pihak tentera atau perampasan atau nasionalisasi atau pengambilan atau pemusnahan oleh perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa tempatan berikutan amaran rusuhan, mogok atau kegemparan awam melalui atau oleh media massa am.
- (h) Pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada teriradiasi bahan api nuklear atau daripada sebarang bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear.
- (i) Bahan letupan radioaktif toksik atau gabungan lain-lain bahan atau komponen letupan nuklear yang mempunyai ciri-ciri berbahaya.
- (j) Sebarang kerugian turutan.
- (k) Penglibatan anda secara langsung dalam aktiviti rampasan.

SYARAT-SYARAT AM (digunakan untuk semua seksyen)

Anda mestilah mematuhi syarat-syarat di bawah supaya mendapat pampasan penuh polisi ini. Liabiliti kami adalah tertakluk kepada pematuhan anda terhadap terma-terma polisi ini.

1. Tafsiran

Polisi ini dan Sijil Insuransnya haruslah dibaca secara bersama sebagai satu kontrak. Sebarang perkataan atau gambaran di mana-mana bahagian Polisi atau Sijil Insurans akan memberi maksud yang sama.

2. Pemerhatian

Liabiliti kami bergantung kepada pematuhan anda terhadap Terma-terma Polisi ini.

3. Penjagaan Munasabah

Anda akan bertindak sewajarnya dan menjaga harta benda supaya selamat dan bebas dari kehilangan, kerosakan, kemalangan, kecederaan serta penyakit, seolah-olah anda tidak menginsuranskannya.

4. Salahnyataan

Polisi ini boleh dibatalkan jika terdapat salahnyataan, penerangan yang salah atau penyembunyian sebarang keadaan yang berkaitan dengan kesihatan anda khususnya.

(a) sama ada anda sedang menghidap penyakit, hilang upaya atau kecacatan.

(b) Sama ada anda mengetahui atau tidak keadaan yang anda mungkin menghidap penyakit, hilang upaya atau kecacatan.

5. Penipuan

Jika anda atau orang yang diberikuasa oleh anda membuat tuntutan palsu atau jumlah yang dituntut dinaikkan dengan niat menipu, kami tidak akan membayar pampasan ini dan kesemua perlindungan yang diberikan di dalam polisi ini akan dibatalkan.

6. Bayaran Premium

Perlindungan dan tuntutan hanya sah jika bayaran premium telah dibuat kepada kami dan pematuhan anda terhadap terma-terma dan syarat-syarat di dalam polisi ini. Kami berhak untuk menolak tuntutan dan semua perlindungan yang diberi jika premium tidak dibayar.

7. Bayaran Balik Premium

Tiada bayaran balik premium selepas Sijil Insurans dikeluarkan.

8. Bayaran Manfaat

Bayaran Manfaat Semua manfaat adalah dibayar kepada anda melainkan manfaat kematian yang akan dibayar kepada waris anda yang dinamakan ataupun wasi anda. Bayaran tersebut merupakan pelepasan liabiliti sepenuhnya terhadap kami. Pembayaran bagi sebarang tuntutan yang dilindungi di dalam polisi ini akan dibuat dalam Ringgit Malaysia.

9. Tuntutan

Apabila berlakunya, sebarang kecederaan, kemalangan, kerugian atau kerosakan, anda mestilah:

- (a) memberitahu AXA Affin General Insurance Bhd secara bertulis secepat mungkin dan tidak melebihi tempoh 45 hari daripada luputnya insurans ini atau ketibaan anda di Malaysia, yang mana lebih awal.
- (b) kirimkan sebarang surat dakwa, saman, surat-surat dan lain-lain dokumen kepada kami serta-merta.
- (c) atas pembiayaan anda atau wakil anda memberi kepada kami, sijil-sijil, maklumat dan dokumen (dan juga penterjemahan yang mana perlu).

Anda tidak boleh:

- (a) mengaku atau tidak mengaku sebarang tuntutan yang dibuat terhadap anda dan juga membuat perjanjian di antara satu sama lain.

Kami mempunyai hak untuk:

- (a) meminta supaya pemeriksaan dilakukan ke atas kecederaan yang tidak membawa maut oleh pegamal perubatan yang ditentukan oleh kami.
- (b) mengadakan rundingan untuk menyelesaikan atau membela tuntutan dengan menggunakan nama anda atau sebagai wakil anda.
- (c) menggunakan hak-hak anda
- (d) meminta supaya autopsi dan/atau pemeriksaan post-mortem dalam kes kematian.
- (e) atas pilihan kami, sama ada membuat bayaran, mengembalikan seperti asalnya atau membaiki harta benda yang hilang atau rosak.

Liabiliti kami adalah tertakluk kepada pembayaran manfaat-manfaat yang dinyatakan di dalam polisi. Kami tidak bertanggungjawab ke atas liabiliti yang disebabkan oleh ketersediaan, kualiti atau keputusan rawatan perubatan atau lain-lain perkhidmatan atau kegagalan anda mendapatkan sebarang rawatan atau perkhidmatan yang dilindungi oleh terma-terma polisi ini.

Dokumen Yang Diperlukan

| Seksyen | Jenis Tuntutan | Tindakan / Dokumen Yang Diperlukan |
|--|---|---|
| | Semua Tuntutan | Borang Tuntutan yang lengkap dan ditandatangani sewajarnya. Sijil Insurans asal. Tiket Penerbangan. |
| Tambah yang berikut sekiranya digunakan: | | |
| 1 | Kemalangan Diri | Laporan perubatan dari doktor luar negara yang merawat. Sijil Kematian. Laporan Post Mortem. Laporan Polis. |
| 2 & 3 | Belanja Perubatan & Pemindahan & Penghantaran Balik Perubatan Kecemasan | Laporan perubatan dari doktor luar negara yang merawat. Invois dan resit perubatan yang asal bagi semua amaun yang dituntut (tersenarai). Resit asal bagi belanja tambahan yang dituntut untuk kos pengubuhan atau pembakaran mayat atau mengangkut mayat. Resit asal bagi belanja tambahan yang dituntut untuk perjalanan dan akomodasi tambahan. |
| 4 | Elaun Hospital | Surat mengesahkan tarikh dibenarkan masuk dan tarikh dibenarkan keluar dari hospital. |
| 5 | Bagasi & Peribadi | Resit asal bagi semua barang yang dituntut. Jika tidak ada, sediakan keterangan barang dan tarikh, tempat dan harga belian. Laporan polis memperincikan keadaan dan senarai barang-barang yang dicuri. Jika dalam jagaan pihak ketiga yakni syarikat penerbangan, syarikat pengangkutan, hotel dll., dapatkan laporan bertulis dari mereka tentang kejadian itu dan tulis aduan rasmi menganggap mereka bertanggungjawab bagi kehilangan. |

| Seksyen | Jenis Tuntutan | Tindakan / Dokumen Yang Diperlukan |
|---------|--|--|
| 6 | Wang & Dokumen Peribadi | Laporan Polis memperincikan keadaan dan senarai barang-barang yang dicuri. Resit asal bagi kos tambahan ditanggung dalam mengganti dokumen perjalanan yang hilang. |
| 7 | Kelewatan Bagasi | Laporan Bagasi terlewat dari sistem penerbangan berkenaan mengesahkan jangka masa kelewatan dan sebab-sebabnya. Resit asal, butir & keterangan semua barang mustahak yang dibeli. |
| 8 | Liabiliti Diri | JANGAN AKUI LIABILITI Sampaikan sebarang surat menyurat dari pihak ketiga tanpa dijawab kepada Adjuster Kerugian dengan serta merta. |
| 9 | Kelewatan Perjalanan | Pengesahan bertulis dari sistem penerbangan yang berkenaan mengesahkan jangka masa kelewatan. |
| 10 | Kehilangan Deposit Atau Lindungan Pembatalan | Laporan Perubatan, Sijil Kematian dll. mengikut keadaan. Resit asal bagi bayaran pelancongan. Invois tempahan dan pembatalan pengendali lancongan. |
| 11 | Pemendekan | Seperti Seksyen 10 di atas. Pengesahan bertulis dari doktor luar negara yang merawat bahawa adalah perlu untuk pulang ke rumah. Jika kerana rampasan atau bencana semula jadi, pengesahan bertulis dari pengendali lancongan berkenaan mengesahkan kejadian itu. Pas masuk menaiki pesawat untuk sahkan tarikh sebenar ketibaan balik ke Malaysia. |
| 12 | Penerbangan Terlebih Tempahan | Pengesahan bertulis dari sistem penerbangan berkenaan mengesahkan butir penerbangan yang terlebih tempahan & bilakah pengangkutan alternatif yang berikutan ada. |
| 13 | Salah Sambungan Penerbangan | Pengesahan bertulis dari sistem penerbangan berkenaan mengesahkan butir salah sambungan penerbangan & bilakah pengangkutan alternatif yang berikutan ada. |
| 14 | Perampasan | Pengesahan bertulis dari sistem penerbangan berkenaan mengesahkan kejadian itu dan jangka masa. |
| 15 | Faedah Jagaan Di Rumah | Laporan Polis. Resit asal bagi semua barang yang dituntut. Jika tidak ada, sediakan keterangan barang dan tarikh, tempat dan harga belian. |
| 16 | Gagal Berlepas | Resit asal bagi belanja yang dituntut untuk akomodasi & belanja perjalanan tambahan. Pengesahan bertulis dari perkhidmatan pengangkutan awam berkenaan mengesahkan kerosakan mekanikal itu. |
| 17 | Mengubun Laluan Penerbangan | Pengesahan bertulis dari sistem penerbangan berkenaan mengesahkan bilangan jam lewat untuk sampai ke destinasi anda dan sebab bagi kelewatan demikian. |
| 18 | Lindungan Lebihan Kereta Sewa | Perjanjian sewa kereta yang asal. Surat bertulis dari agensi sewa menganggap Sewa Pihak Diinsuranskan bertanggungjawab bagi kehilangan atau kerosakan kenderaan sewa. Invois dan resit asal dari agensi sewa untuk sewa kereta. Salinan lesen memandu setiap pemandu pada masa kemalangan. |

| Seksyen | Jenis Tuntutan | Tindakan / Dokumen Yang Diperlukan |
|---------|--|---|
| | | Salinan polisi insurans motor luar negara jika ada. Salinan laporan polis. Resit asal lebihan yang dibayar. |
| 19 | Kehilangan Deposit Atau Bayaran Penuh Disebabkan Ejen Pelancongan Melarikan Diri Atau Insolven | Resit asal bagi bayaran pakej pelancongan dan insurans pelancongan. Invois penempahan bersama dengan terma dan syarat penempahan, dan jadual Pelancongan perjalanan. Salinan laporan polis yang menghuraikan tuduhan melarikan diri atau insolvensi ejen pelancongan. Pengesahan bertulis dari Jabatan Insolvensi Malaysia mengenai status insolven ejen pelancongan. |

10. Lain-lain Insurans

Sekiranya semasa tuntutan dibuat untuk sebarang kerugian, kerosakan dan liabiliti terdapat juga lain-lain insurans yang memberi perlindungan yang sama, kami hanya akan membayar pampasan dalam perkadaran yang setimpal dengan tanggungan kami sahaja.

11. Timbang Tara

Jika kami mengakui terdapat liabiliti dalam tuntutan yang dibuat tetapi terdapat pertikaian terhadap jumlah yang akan dibayar, maka pertikaian ini akan dirujuk kepada Penimbang Tara. Penimbang Tara adalah dilantik oleh kedua-dua belah mengikut undang-undang kini. Anda tidak boleh mengambil tindakan terhadap kami sebelum penimbang tara membuat keputusan.

12. Faedah

Jumlah di dalam polisi ini tidak mempunyai faedah.